

*Jawi Peranakan: Status Dan Peranannya Dalam Membudayakan Ekonomi Melayu
Hamidah Jalani, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Sarah Dina Mohd Adnan, Nor Adina Abdul Kadir,
Nang Naemah Nik Dahalan, Mariam Farhana Md Nasir*

JAWI PERANAKAN: STATUS DAN PERANANNYA DALAM MEMBUDAYAKAN EKONOMI MELAYU

**Hamidah Jalani, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Sarah Dina Mohd Adnan, Nor Adina Abdul
Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan & Mariam Farhana Md Nasir**

Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka

Corresponding Author's email: hamidahjalani@uitm.edu.my

Article History :

*Received : 23 August 2021
Accepted : 29 December 2021
Published : 30 December 2021*

ABSTRAK

Pembukaan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan mendorong penghijrahan pendatang-pedagang ke Tanah Melayu. Polisi pihak Inggeris sebagai Negeri-Negeri Selat dan 'bebas' dari naungan raja-raja Melayu menjadikan Pulau Pinang bebas membangun. Statusnya sebagai bandar maju menjadi tarikan pedagang dari gugusan kepulauan Melayu, Cina, India dan Arab berhijrah ke pulau ini. Kesan penghijrahan dan asimilasi telah membentuk keturunan 'Jawi Peranakan' atau 'Jawi Pekan'. Walaupun pengkajian mengenai golongan ini telah diperbahas, namun isu Melayu dan kemelayuan masih dibincangkan. Adakah golongan ini diiktiraf sebahagian dari Melayu atau dikenali sebagai 'pendatang'. Batasan kajian sekitar Pulau Pinang yang menjadi batu loncatan kepada pendatang dan pedagang berhijrah ke negeri-negeri lain di Malaysia. Pengkaji menggunakan metod analisa data dengan mengumpul dan menjalankan kajian perpustakaan bagi menjelaskan status dan peranan mereka dalam pembangunan negara. Hasil kajian mendapati, kewujudan Jawi Peranakan dalam pembangunan negara masih wujud dengan watak sebagai Melayu dan Jawi Peranakan.

Kata kunci: *Pulau Pinang, pedagang, Jawi Peranakan, sumbangan, ekonomi.*

JAWI PERANAKAN: STATUS AND ROLE IN THE ECONOMIC CULTURE OF THE MALAYS

ABSTRACTS

The opening of the port of Penang as a migrant-traders encourage migration to Malaya. The British policy as the Straits Settlements and the 'free' from the patronage of the Malay rulers make Penang free to build. His status as a developed city attracted traders from the Malay Archipelago, China, India and Arab migrants to the island. The effects of migration and assimilation have shaped the lineage of 'Jawi Peranakan' or 'Jawi Pekan'. Although assessment of these people has been debated, but the issue of Melayu and Kemelayuan is still being discussed. Are these people recognized part of Melayu known as 'immigrants'. Limitations of the study around Penang which is a stepping stone for immigrants and traders to migrate to other states in Malaysia. Researchers use data analysis methods by collecting and conducting library studies to explain their status and role in national development. The study found that the existence of Jawi Peranakan in developing countries still exist with the character as Malay and Jawi Peranakan.

Keywords: *Penang, traders, Jawi Peranakan, donations, economy.*

STATUS DAN KEMELAYUAN

Desawarsa ini isu Melayu dan kemelayuan sering diperbincang. Dalam kalangan ahli sarjana perbincangan mengenai pengertian Melayu dan bangsa Melayu sering diperdebat bagi menghurai siapakah 'Melayu' seperti yang termaktub dalam perlembagaan negara. Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010), Mohamed Anwar Omar Din (2011), Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli (2018) pensyarah kanan di Universiti Sains Islam Malaysia dan Hishamuddin Rais (2019) seorang aktivis politik, penulis dan pengarah filem terpanggil menyentuh mengenai isu bumi Melayu, bangsa Melayu dan kemelayuan. Berdasarkan artikel 160 Perlembagaan Malaysia, pentakrifkan orang Melayu sebagai penganut beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan (a) lahir sebelum hari merdeka sama ada di Persekutuan atau Singapura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Persekutuan atau Singapura atau (b) ia adalah keturunan dari seseorang yang tersebut (Perkara 160 Perlembagaan Malaysia). Maka dasar yang mendokong takrifan Melayu itu, seseorang itu akan dikatakan Melayu apabila Islam menjadi agama anutannya, mengamalkan kehidupan seharian dengan adat-adat rumpun Melayu serta menggunakan bahasa Melayu sebagai pertuturan harian serta bermastautin atau lahir di negara-negara yang disebutkan dalam 'Tanah Melayu'.

Namun perdebatan mula tercetus apabila dikaitkan Tanah Melayu dan bangsa Melayu dalam menentukan siapakah yang berhak ke atas Tanah Melayu. Keadaan ini turut dikaitkan status 'pendatang' kepada bangsa Melayu. Artikel yang ditulis oleh Professor Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi berjudul "The Sungai Kandis question: Do Malays want to be Malaysian", menyatakan dalam kajian dan pembacaan ilmiahnya istilah Melayu sering dikaitkan dengan asas kepercayaan sebagai beragama Islam. Manakala mereka beranggapan selain bangsa Melayu seperti kaum Cina, India dan Kadazan digelar sebagai orang Malaysia, bukan dikenali sebagai orang Melayu.

"...from my academic reading, just want to be Malays and Muslims. They think other people like Chinese and Indians and Kadazans should be Malaysians. Not the Malays" (Professor Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi, 2018)

Selain itu pada tahun 2011, tokoh politik DAP Bukit Mertajam, Chong Eng dalam Malaysia Kini pernah mengeluarkan kenyataan mengenai subjek pembelajaran di sekolah dalam menghurai siapakah yang dilabel sebagai pendatang. Menurutnya jika kaum Cina dan India dilabel sebagai pendatang, tidak mustahil kaum Melayu juga berasal dari keturunan pendatang. Hanya bangsa Melayu asli sahaja yang perlu digelar sebagai pemilik hak Tanah Melayu. Berdasarkan kenyataannya lagi, buku teks yang dipelajari oleh pelajar di sekolah-sekolah perlu diteliti semula bagi merungkai istilah Melayu, Tanah Melayu dan pendatang. Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran ketika menghadiri

majlis agama Hindu telah menyentuh isu perkauman dalam pensejarahan Tanah Melayu. Kenyataan beliau telah dimuatnaik di akaun facebooknya dan menjadi kecaman orang ramai. Namun, akhirnya beliau tampil menjelaskan isu tersebut dengan menafikan laporan sebuah akhbar tempatan yang mendakwa Melayu adalah golongan pendatang di negara ini dan penduduk asal adalah penganut agama Hindu. Fakta nyata memperlihatkan kewujudan agama Hindu di Tanah Melayu lebih awal berbanding kedatangan Islam ke Alam Melayu pada abad ke-15 Masihi.

“...orang India sudah berada di Tanah Melayu sejak 2,500 tahun lalu. Hindu dibawa oleh orang India ke Tanah Melayu. Hasil penemuan arkeologi di kawasan Lembah Bujang, terutama penemuan Sungai Batu di Kedah membuktikan hal ini. ...tidak adil jika orang India digelar sebagai pendatang berdasarkan faktor sejarah itu”. (Chong Eng, 2011)

Kenyataan di atas telah disangkal oleh Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, pakar Undang-Undang Perlembagaan (Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu) UKM & Penasihat Gabungan MIRA dengan menegaskan bahawa “...bumi ini adalah Melayu, dikenali sebagai Tanah Melayu...” dan beliau mempersoalkan kembali kenyataan M. Kulasegaran “...jika benar orang India menduduki Tanah Melayu, mengapa bumi ini tidak pernah menjadi India?”. (Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2018). Perbincangan mengenai “Melayu dan ketuanan Melayu’ sehingga kini masih menjadi topik dalam perbincangan ahli sejarah. oleh yang demikian, pengkaji akan merungkai mengenai kaum Jawi Peranakan yang suatu ketika dahulu menjadi salah sebuah komuniti yang berkunjung ke Tanah Melayu dengan pelbagai Haluan tersendiri.

PULAU PINANG

Keunikan negeri Pulau Pinang sebagai salah sebuah pelabuhan di Alam Melayu menjadikan negeri ini terkehadapan berbanding dengan negeri-negeri utara Tanah Melayu, Perlis dan Kedah (Dr. Jelani Harun, 2017). Kehadiran Kapten Francis Light dengan membuka pelabuhan Pulau Pinang (1786) sebagai pelabuhan ‘bebas’ dan moden menjadikannya sebagai sebuah destinasi tarikan kepada pedagang dan pendatang. Menurut Noriah Mohamed dan kumpulan penyelidiknya menyatakan Pulau Pinang mempunyai sejarah yang tersendiri ditambah dengan kehadiran Francis Light mewarnai lagi pembentukan sejarah dan pensejarahan di Pulau Pinang.

“Pulau Pinang (termasuk Seberang Perai) mempunyai signifikan tersendiri dalam sejarah perkembangan ekonomi, sosiobudaya, kesusasteraan dan keintelektualan Melayu. Kepentingan ini terbentuk sejak sebelum kehadiran Francis Light, kemudiannya diadun, disesuaikan dan bersaing dengan sifat masyarakat kosmopolitan yang dibentuk oleh pihak penjajah”. (Noriah Mohamed, Muhammad Haji Salleh, Mahani Musa, *et.al*, 2006).

Selain itu, faktor umum seperti aktiviti perdagangan, perkahwinan dan sosial menjadi penyebab kepada penghijrahan pelbagai lapisan masyarakat yang kini digelar sebagai Jawi Peranakan. Kajian yang dilakukan Azharudin Mohamed Dali (2016) merumuskan terdapat dua fasa kehadiran masyarakat India Muslim ke Tanah Melayu. Fasa pertama berlaku sekitar abad ke-13 hingga abad ke-18 sebelum kehadiran pihak Inggeris ke Pulau Pinang. Fasa ini memperlihatkan kehadirannya dengan tujuan berdagang. Namun, jumlah mereka yang menetap di Tanah Melayu agak kecil dan masih menjalankan aktiviti perdagangan secara persinggahan yang bersifat sementara. Dalam fasa kedua, pembentukan Jawi Peranakan berkembang sejajar dengan kehadiran pihak Inggeris ke Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang. Dasar keterbukaan dari pihak Inggeris menggalakkan lagi para pedagang berhijrah ke Pulau Pinang, Seberang Perai dan Dinding. Pada tahun 1881 hingga 1891, populasi penghijrahan pelbagai bangsa adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Peningkatan Populasi Penduduk 1881 hingga 1891 di Pulau Pinang
 (E.M. Merewether, 1892).

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN (%)
Eropah dan Amerika	490	87.2
Rusia	98	7.2
Cina	19192	42.5
Melayu dan kelompok lain dari Kepulauan Melayu	8571	31.4
Tamil dan kelompok lain dari India	4161	26.4
Lain-lain bangsa	423	46.3
JUMLAH	32 935	36.2

Pada tahun 1881 hingga 1891, terdapat angka peningkatan kelompok yang berhijrah ke Pulau Pinang. Ia melibatkan penghijrahan bangsa Eropah, Amerika, Rusia, Cina, Melayu, Tamil dan bangsa-bangsa lain. Kelompok Cina merupakan populasi tertinggi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan mereka mewakili 42.5 peratus peningkatan dari keseluruhan populasi di Pulau Pinang. Ini diikuti oleh kelompok Melayu kebanyakannya terdiri dari Sumatera meliputi Jawa, Aceh, Batak, Bugis, Boyan, Rawa, Dayak, Sam-sam dan Filipina. Kelompok Tamil sebanyak 4161 mewakili 26.4 peratus.

Walaupun pada tahun 1819 menyaksikan kedudukan Pulau Pinang semakin tergugat dengan kemunculan Singapura sebagai pelabuhan baharu, namun pilihan kerjaya dan tinggal menetap masih menjadi daya penarik yang kuat. Peningkatan nilai angka ini diandaikan sebagai memenuhi keperluan pelbagai kehendak. Antaranya untuk kelangsungan hidup, berdagang, berniaga dan ‘pembawaan’ secara paksa sebagai buruh dan dasar kerajaan British yang mengalu-alukan kemasukan bangsa luar berkunjung ke Pulau Pinang dengan pemberian status dan tanah kepada mereka. Menurut K. Anbalakan (2016), proses ‘pembawaan’ ini adalah berdasarkan sistem *indenture* (kontrak) dan *Kangani* yang adakalanya dilakukan dengan penipuan dan paksaan melalui penawaran upah yang lumayan (K. Anbalakan, 2016).

Kajian oleh Dr. Jelani Harun (2003 & 2017), Omar Yusoff (2005) dan Omar Yusoff & Noriah Mohamed (2010) juga menyatakan selepas pembukaan Pulau Pinang sebagai pelabuhan, kehadiran orang India berlaku secara berperingkat. Peringkat pertama kedatangan mereka sebagai golongan saudagar, pedagang, pengembara dan pembekal senjata yang terdiri daripada orang India Islam dan Jawi Peranakan yang berasal dari Pulau Pinang. Contohnya, orang India Islam daripada golongan saudagar dikatakan telah berada di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1770 (Omar Yusoff, 2005). Peringkat kedua, mobiliti kerja dengan membawa masuk buruh asing bekerja di ladang dengan menghasilkan tanaman lada hitam (1970), tebu (1830), kopi (1870) dan juga yang bekerja dengan pihak Inggeris kerana kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Inggeris berbanding masyarakat Melayu sedia ada. Peringkat ketiga berkembang melalui kedatangan banduan pada tahun 1788 yang dihantar oleh pihak kerajaan British yang beribu pejabat di India ke Pulau Pinang (Omar Yusoff & Noriah Mohamed, 2010). Pulau Jerejak dijadikan destinasi sebagai tempat pembuangan banduan yang dikenakan hukuman melebihi tujuh tahun ke atas dan melibatkan hukuman penjara seumur hidup. Dasar kerajaan yang menghentikan peruntukan bajet penghantaran semula bekas banduan ke negara asal menyebabkan golongan ini menetap di Pulau Pinang dan berkahwin dengan wanita tempatan. Kenyataan Omar Yusoff & Noriah Mohamed (2010) dikukuhkan lagi oleh Azharudin Mohamed Dali (2016) bahawa dasar British yang tidak menghantar bekas banduannya pulang ke negara asal dan tinggal menetap di pulau tersebut menjadi penyumbang dan mempercepatkan lagi pertumbuhan golongan Jawi Peranakan (Omar Yusoff & Noriah Mohamed, 2010) & (Azharudin Mohamed Dali, 2016).

Justeru boleh dirumuskan kehadiran golongan Jawi Peranakan di Pulau Pinang ini adalah kesan penghijrahan mereka bertitik tolak dari faktor penolak dari tempat asal dan faktor penarik dari Nusantara itu sendiri. Faktor-faktor ini menjadi penggalak kepada kemasukan orang luar ke semenanjung.

“Penang was the scene of the last series of migrations from India to Malay and the archipelago region. As the first port disembarkation for all India immigrants to the Straits Settlements and the Malay peninsula, the island has the largest established community of South Indian Muslim in Malaysia”. (Datin Ragayah Eusoff, 1997).

JAWI PERANAKAN

Dikenali sebagai *Jawi Pekan, Jawi Pukan, Jawi Bukan* atau *Jawi Peranakan*. Perkataan “Jawi” boleh difahami sebagai Melayu dan istilah yang digunakan sebelum ini adalah untuk memberi gambaran masyarakat itu sebagai ‘Melayu bukan, Keling pun bukan’ (Berita Harian, 2010) Sungguhpun begitu, golongan Jawi Peranakan lebih gemar menggunakan istilah Jawi Pekan untuk merujuk kepada mereka atau lebih deskriptif digelar Orang Melayu Pulau Pinang atau Orang Tanjong yang lebih lunak didengar didengar berbanding gelaran Mamak (Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid, 2004).

Perbezaan ini perlu difahami dengan jelas kerana ramai yang beranggapan dengan mengelaskan lelaki berwajah kacukan India sebagai mamak namun realitinya wujud perbezaan di antara kedua-dua masyarakat ini. Anak yang lahir daripada perkahwinan campur lelaki India Muslim dengan wanita Melayu dikenali sebagai Jawi Peranakan. Manakala jika perkahwinan itu hanya membabitkan India Muslim, barulah ia digelar anak mamak. Meskipun kewujudan masyarakat Jawi Peranakan turut dikaitkan dengan perkahwinan campur antara Melayu dan lelaki Arab Benggali, Punjabi dan Aceh, namun di Pulau Pinang, ia lebih sinonim dengan masyarakat India Muslim akibat penghijrahan rakyat dari India ke negeri selat itu sejak awal 1700. Melalui hasil perkahwinan di antara pendatang yang berhijrah dari Selatan India ke Tanah Melayu, kemudian tinggal menetap dan berkahwin dengan wanita tempatan telah melahirkan suatu golongan yang dikenali sebagai Jawi Peranakan atau kacukan India-Melayu. Menurut Omar Yusof & Noriah Mohamed (2010) dan dikuatkan lagi dengan kenyataan Omar Yusoff di dalam bukunya yang lain menyatakan bahawa perkahwinan itu berlangsung adalah kerana semata-mata berhasrat untuk mengekalkan tempat dan status mereka dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Pulau Pinang menjadi lokasi terkenal tempat bertumpunya penduduk migrasi. Dasar pintu terbuka yang menjadi polisi kerajaan British secara langsung telah menggalakkan penghijrahan masyarakat Islam dari pelbagai kaum terdiri dari kaum Rawa, Minang, Aceh, Jawa, Bugis dan kaum-kaum lain dari Kepulauan Melayu dengan tujuan untuk berdagang. Dan tidak ketinggalan juga orang-orang Arab, Tamil, Punjabi, Benggali (Pakistan), Gujerat dan Afghani menunjukkan minat yang sama untuk menjalankan perniagaannya. Ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid (2004):

“While the majority of the present-day Penang Jawi Peranakan are the third of fifth generation descendants of Chulia merchants and traders from South India who settled in Penang when it was opened as a British trading port in 1786, many are the descendants of later arrivals (up to the early 20th century) from central and north India. These were the Gujerat, Benggali, Pathan and Pakistan merchants who constituted the Muslim population of the Indian sub-continent.” (Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid, 2004).

Berdasarkan laporan *Census of the Straits Settlements 1892*, mengikut jantina pada tahun 1881, seramai 7091 orang berkunjung ke Pulau Pinang dan pada tahun 1891 terdapat peningkatan yang begitu ketara sebanyak 1,993 orang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 9084 orang. Penyumbang peningkatan ini bukan sahaja di kalangan lelaki malah golongan wanita juga turut meningkat. Impaknya menjadi faktor penyumbang kepada kewujudan Jawi Peranakan di Pulau Pinang dan kawasan sekiatarnya.

Jadual 2: Laporan *Census of the Straits Settlements 1892* di Pulau Pinang (E.M. Merewether, 1892).

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah Keseluruhan
1881	3,453	3,638	7,091
1891	4,426	4,658	9,084

PEMBANGUNAN KERJAYA

Apabila memperkatakan tentang kedudukan dan peranan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang, Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (2010) telah merumuskan terdapat empat faktor utama perlu ditekankan. Pertama, kewujudan golongan Jawi Peranakan adalah kesan sampingan daripada hubungan sejarah yang terjalin di antara masyarakat India Muslim dengan masyarakat setempat. Dasar pintu terbuka telah membuka satu jaringan hubungan perdagangan dengan masyarakat India Muslim untuk beradu nasib di Pulau Pinang. Kedua, peranan India Muslim di Tanah Melayu amnya Pulau Pinang khususnya telah mewujudkan suatu perhubungan simbiotik dengan masyarakat setempat. Di mana ikatan perkahwinan menjadi aspek terpenting dalam menghasilkan simbiosis perhubungan ini. Ketiga, fenomena jalinan perhubungan yang berterusan di antara India Muslim dengan masyarakat setempat telah membantu pertumbuhan populasi golongan Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Dan faktor keempat ialah, Pulau Pinang menjadi batu loncatan kepada golongan ini untuk meneroka ke kawasan sekitar termasuk negeri-negeri Melayu yang lain (Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010). Dari keempat-empat faktor tersebut, sehingga kini ia telah memberi satu kesan langsung yang amat berguna di dalam arus pembangunan negara.

Ahli Perniagaan Yang Berjaya

Dunia perniagaan bukan perkara asing bagi masyarakat Melayu Peranakan. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu juga bermula dengan aktiviti perdagangan. Hasil keturunan yang mengamalkan aktiviti perdagangan memberi kesan kepada pembentukan ekonomi terumata di Pulau Pinang yang sememangnya terkenal sebagai sebuah bandar metropolitan. Antara barang yang diniagakan termasuklah barangan kemas. Ini terbukti di bandar George Town kebanyakan kedai emas yang dibangunkan dimiliki oleh kelompok masyarakat Jawi Peranakan. Kehidupan mereka yang dikenali sebagai golongan bangsawan, mempunyai sumber kekayaan dan menikmati kehidupan mewah sejajar dengan gelaran yang diberikan sebagai Jawi Pekan bererti Melayu yang hidup di kawasan pekan. Realiti kehidupan masyarakat Melayu, kelompok masyarakat yang hidup di kawasan-kawasan pekan merupakan kelompok yang berkemampuan dari sudut kos hidup yang tinggi. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa masyarakat Jawi Peranakan banyak tertumpu di kawasan pekan dan dikenali sebagai golongan yang berkemampuan lebih dari kelangsungan hidup.

Penonjolan watak dalam filem-filem Melayu bertemakan Jawi Peranakan banyak memaparkan gambaran kehidupan mereka yang dihiasi dengan barangan kemas dan sering bersaing dengan tetangga mengenai barangan kemas yang dimilikinya. Contohnya filem *Mami Jarum* yang pernah dipaparkan dalam filem Melayu menggambarkan wanita kacukan peranakan ini memakai barangan kemas seperti rantai leher, gelang tangan sehingga mencecah ke siku dan suka menghebahkan dan menonjolkan kemewahan yang dimiliki di kalangan kelompok masyarakatnya. Malah pasaraya Maydin juga merupakan salah sebuah pasaraya terbesar dan terkenal dengan harga barangannya yang berpatutan.

Penglibatan Dalam Aktiviti Politik

Seperti dalam arena politik, ramai di antara golongan ini bergiat secara aktif di dalam bidang professional. Perkara ini telah berlangsung sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Pada tahun 1946, penglibatan pemimpin-pemimpin Jawi Peranakan telah mula dirasai. Antaranya Tun Hussein Onn, Tun Mahathir Mohamad, (Haji Mohd. Yussof Latiff, 2010), Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Dato' Seri Abdul Rahman Maidin, Presiden Parti Ikatan Bangsa Malaysia Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, YB Abdul Malik Abul Kassim Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang dan ramai lagi. Ini jelas membuktikan bahawa mereka memainkan peranan di dalam sistem pentadbiran negara.

Penerimaan masyarakat Melayu terhadap kehadiran golongan ini memudahkan lagi penglibatan mereka dalam kancah politik. Mereka ini juga dikenali sebagai golongan cerdik pandai yang berjuang bagi memajukan negeri Pulau Pinang dan Malaysia amnya.

Kerjaya Seni

Begitu juga di dalam dunia perfileman, cerita-cerita mengenai anak mami sering kali ditonjolkan di dalam kehidupan masyarakat Melayu. *Anak Mami The Movie* (2002), *Mami Jarum* (2002), *Mami*

Jarum Junior (2003), *Anak Mami Kembali* (2005) dan *Nana Tanjung* (2006) yang diterbitkan oleh Prof. Abdul Razak Mohaideen yang juga berlatar belakangkan golongan Jawi Peranakan mendapat tempat di hati penggemar filem-filem Melayu. Berdasarkan rekod filem *Nana Tanjung* merupakan filem yang paling berjaya dari segi komersial dengan kutipan sebanyak RM 3.02 Juta.

Menurut Abdul Razak Mohaideen & Norman Yusoff (2010) melalui filem-filem seperti ini ia memperlihatkan representasi keturunan Jawi Peranakan dan secara tidak langsung telah memperkenalkan keunikan golongan ini kepada masyarakat setempat (Abdul Razak Mohaideen & Norman Yusoff, 2010). Kemunculan filem-filem seperti ini memberi daya tarikan tersendiri kepada masyarakat untuk mengenali identiti masyarakat ini yang pada asalnya dating dengan tujuan berniaga, namun mampu membawa suatu perubahan kepada pertumbuhan seni di Malaysia. Filem-filem yang di tayangan ini

Penerbitan Akhbar dan Majalah

Apabila disoroti semula sejarah penerbitan di Tanah Melayu, peranan golongan ini tidak seharusnya dipandang sepi. Mereka ini bukan sahaja bergiat aktif dalam bidang perniagaan malah turut aktif dalam aktiviti penerbitan akhbar dan majalah. Malah menurut Ahmad Murad Merican (2010), penglibatan mereka dalam bidang penerbitan dan penulisan akhbar dan majalah menjadi medium komunikasi yang menghubungkan tradisi Melayu-India dan Arab-Parsi dengan wilayah Eropah.

Di mana apa yang menariknya dikatakan kegiatan “Press Business” di kalangan orang Melayu sejak tahun 1896 dikendalikan oleh golongan Jawi Peranakan. Mereka menjadikan bidang penerbitan akhbar Melayu pada abad ke-19 dimonopoli oleh golongan *non-Malay*. Dari 17 akhbar berbahasa Melayu, *Jawi Peranakan* adalah salah sebuah akhbar yang terawal diterbitkan (Mohd. Dahari Othman, 1985). Dari tujuh buah akhbar yang diterbitkan di Singapura, lima buah dikendalikan oleh mereka iaitu *Jawi Peranakan* (1876), *Nujumu'l Fajar/Idaran Bintang*, *Shamsul-Kamar* (1877), *Skola Melayu* (1888) *Taman Pengetahuan*. Dua buah akhbar lagi dikendalikan oleh golongan Jawi Pekan atau Cina Peranakan atau 'Cina Baba' yang juga turut mula memasuki pasaran.

Selain itu, Pulau Pinang juga turut menjadi tumpuan golongan ini. Antara yang terbit di peringkat awal penerbitan ialah akhbar *Tanjong Penegeri* (4 Okt 1895) yang diterbitkan dan dikendalikan oleh S.P.S.K. Kader Sahib. Kemudian disusuli pula beberapa buah akhbar yang lain seperti *Pemimpin Warta* (4 Nov 1895), *Bintang Timor* (1894-1895) (Ahmat Adam, 1994). *Lengkongan Bulan* (30 April 1900) dan *Chahaya Pulau Pinang* (13 Okt 1900 – Mac 1908) (Dahari Othman, 1985). Menurut Mohd Sarim Haji Mustajab, kehadiran akhbar-akhbar Jawi Peranakan ini adalah bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat Jawi Peranakan di samping menjadi agen media yang terpenting pada ketika itu. Walaupun akhbar-akhbar ini dilihat lebih banyak tertumpu kepada berita-berita yang diterjemahkan dari Bahasa Inggeris, namun kepentingannya dalam menyampaikan berita kepada masyarakat Melayu tidak dapat dinafikan (Mohd Sarim Haji Mustajab, t.t.).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kehadiran golongan ini dalam kalangan masyarakat Melayu telah memberi inspirasi dalam pembangunan negara. Mereka yang asalnya dikenali sebagai golongan yang berhijrah dan berdagang, kemudian berkahwin dengan gadis tempatan telah mewujudkan suatu kelompok baru yang dikenali sebagai Jawi Pekan atau Jawi Peranakan. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari rupa paras, namun keunikan yang ada dalam diri mereka menjadikan mereka masyarakat yang unik untuk dikaji. Ketulusan hati dalam memajukan kerjaya diri dan negara menjadikan mereka masyarakat yang dihormati dan disegani ditambah dengan penglibatan mereka dalam pelbagai bidang seperti arena politik, perniagaan, dunia perfileman dan penerbitan memberi ruang kepada generasi lain untuk mencari peluang kerjaya bagi meningkatkan status kehidupan. Diharap dengan kajian ini, akan memberi pemahaman bahawa masyarakat Jawi Peranakan telah diterima secara langsung mahupun tidak dalam pembangunan negara. Bergerak atas dasar kesatuan matlamat yang sama untuk kemajuan negara Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razak Mohaideen & Norman Yusoff (2010), "Pemaparan Masyarakat Jawi Peranakan Dalam Filem-Filem Komedi Arahan A. Razak Mohaideen", Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (ed.), *Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Ekspresi Sebuah Identiti*, Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Murad Merican (2010), "Masyarakat Dan Surat Khabar Jawi Peranakan: Ekspresi suatu Identiti", Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (ed.), *Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Ekspresi Sebuah Identiti*, Universiti Sains Malaysia.
- Berita Harian, "Jawi Peranakan: Kuasai Bidang Perniagaan", 9 Mei 2010, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/JawiPeranakan/Article/index> diakses pada 19 April 2012. (Keling merujuk kepada kaum India yang datang dari India Selatan).
- Berita Nasional (2018) Kulasegaran nafi orang Melayu pendatang dalam <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/455260/kulasegaran-nafi-orang-melayu-pendatang>
- Chong Eng dalam Malaysia Kini. <https://www.youtube.com/c/kinitv/featured> (24 Mac 2011)
- Datin Ragayah Eusoff (1997), *The Merican Clan: A Story of Courage and Destiny*, Singaura & Malaysia: Times Books International.
- Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2018), 'Tanah Ini Bumi Melayu', dalam *Berita Harian*, 31 Julai 2018.
- Dr. Jelani Harun (2017), 'Pulau Pinang Bandar Percetakan Awal Negara' dalam *Persidangan Nasional Sejarah & Sejarawan Malaysia 2017*, Pulau Pinang: USM.
- Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli (2018), 'Melayu kaum pendatang di Tanah Melayu?' dalam *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/436171>
- E.M. Merewether (1892), *Report on the Census of the Straits Settlement 1891*, Singapura: Printed at the Government Printing Office.
- Haji Mohd Yusoff Latiff (2010), Peranan Jawi Peranakan dalam Kegiatan Politik di Pulau Pinang, dalam *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*, Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (ed.), Pulau Pinang; USM.
- Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid (2004), *Images of the Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of the Jawi Peranakan Community into the Malay Society*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hishamuddin Rais (2019), 'Membongkar Sejarah Pendatang' dalam *Malaysia Kini*, <https://www.malaysiakini.com/columns/493195>
- K. Anbalakan (2016), *Identiti India di Malaysia*, Pulau Pinang: USM.
- Mahani Musa (2010), "Jawi Peranakan Dan Boria", Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (ed.), *Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Ekspresi Sebuah Identiti*, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Anwar Omar Din (2011), 'Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semua Sejarahnya', dalam *Jurnal Melayu* (7) 2011: 1-82.

- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010), “Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan” dalam *Jurnal Hadhari*, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 3 (2010) 61-84. ISSN: 1985-6830 dan eISSN: 2550-2271
- Mohd Sarim Haji Mustajab (t.t.), Profile Seorang Wartawan 1920an: Mohamed Younus Abd. Hamid, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 159, [http://pkukmweb.ukm.my/jebat/images/upload/Mohd%20 Sarim%20Hj.% 20 Mustajab%207-8.pdf](http://pkukmweb.ukm.my/jebat/images/upload/Mohd%20Sarim%20Hj.%20Mustajab%207-8.pdf) diakses pada 17 April 2012.
- Mohd. Dahari Othman (1985), “Akhbar Cahaya Pulau Pinang (1900-1908)”, Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Warisan Sastera Pulau Pinang*, Biro Penerbitan Gapena.
- Noriah Mohamed, Muhammad Haji Salleh, Mahani Musa, et.al (2006), *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pulau Pinang, USM.
- Omar Yusof & Noriah Mohamed (2010), “Daripada Jawi Peranakan Kepada Melayu: Tinjauan Terhadap Komuniti Jawi Peranakan Di Pulau Pinang Pada Abad ke-21”, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 28 (2) (2010): 63-82, dalam <http://journalarticle.ukm.my/1258/1/SARI28%5B2%5D2010%5B03%5D.pdf> diakses pada 17 April 2012.
- Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (2010), *Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Ekspresi Sebuah Identiti*, Universiti Sains Malaysia.
- Omar Yusoff & Noriah Mehamed (2010), ‘Daripada Jawi Peranakan Kepada Melayu: Tinjauan Terhadap Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang Pada Abad Ke-21’, dalam *International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(2)(2010).
- Omar Yusoff & Noriah Mehamed (2010), opcit., h. 67 dan Azharudin Mohamed Dali (2016), *Sejarah Masyarakat India di Malaysia* (edisi 2), KL: Universiti Malaya.
- Omar Yusoff (2005) *Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Isu-Isu Budaya Dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majmuk Di Malaysia*. Latihan Ilmiah: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Omar Yusoff (2010), “Sejarah Pembentukan Jawi Peranakan Pulau Pinang,” dalam *Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Ekspresi Sebuah Identiti*, Universiti Sains Malaysia.
- Perkara 160 Perlembagaan Malaysia, https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara_160_Perlembagaan_Malaysia.
- Professor Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (2018), The Sungai Kandis question: Do Malays want to be Malaysian dalam Free Malaysia Today [https://www.freemalaysiatoday.com /category/ opinion /2018/07/25/ the-sungai-kandis-question-do-malays-want-to-be-malaysians/](https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2018/07/25/the-sungai-kandis-question-do-malays-want-to-be-malaysians/)